

01 JUL 2001

NS AKAN TARIK BALIK BIASISWA PELAJAR JIKA TERLIBAT KEBAKARAN DI UM

PORT DICKSON, 1 Julai (Bernama) -- Biasiswa dan pinjaman pendidikan pelajar di bawah tajaan kerajaan negeri akan ditarik balik jika terbabit dengan kes kebakaran Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya pada Jumaat, sekiranya benar ia perbuatan khianat.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata kerajaan negeri tidak akan berlembut terhadap pelajar terbabit kerana tiada gunanya mereka diberi bantuan.

"Kalau didapati ada pelajar di bawah tajaan kita (kerajaan negeri), kita akan tarik balik pinjaman atau biasiswa mereka. Tak guna kita bagi bantuan kepada pelajar itu kerana lebih ramai lagi yang memerlukan bantuan seperti itu," katanya ketika diminta mengulas kebakaran DTC itu selepas merasmikan pra pelancaran Puteri Umno peringkat negeri di sini.

Katanya pelajar yang tidak berpuas hati tidak wajar meluahkan perasaan mereka dengan bertindak ganas tetapi boleh mengemukakan rasa tidak puas hati mereka semasa berdialog dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme di Alaf Baru hari ini.

-- BERNAMA

APG RON